

28 JUL 1996

Mahathir-Sihat

MAHATHIR MUNCUL DI KHALAYAK RAMAI SELEPAS DILAPORKAN TIDAK SIHAT

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di sini petang ini untuk lawatan empat hari.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada pukul 5.50 petang disambut ketua-ketua jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ini adalah kemunculan umum Dr Mahathir sejak beliau dilaporkan kurang sihat pada Jumaat lepas.

Ketika ditanya mengenai kesihatannya, Perdana Menteri yang sentiasa tersenyum menjawab ringkas: "Saya sihat."

Bagaimanapun Dr Mahathir tidak memandu sendiri kenderaan yang disediakan untuknya seperti yang biasa dilakukan setiap kali beliau melawat pulau percutian bebas cukai ini.

Kenderaan pacuan empat roda berwarna merah hati itu kali ini dipandu pengurus besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Halil Mutalib.

Malam ini, Dr Mahathir akan menghadiri satu jamuan makan yang diberikan oleh Pengerusi Technology Resources Industry (TRI), Tan Sri Tajuddin Ramli di Hotel Reddison, Tanjung Rhu.

Esok, beliau akan menerima kunjungan hormat beberapa orang presiden dan naib presiden negara Afrika yang berada di sini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi mengenai Perkongsian Bijak.

Antara mereka Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Presiden Namibia Dr Sam Nujoma, Presiden Botswana Sir Ketumile Masire and Naib Presiden Malawi Justin C. Malewei.

Upacara itu akan berlangsung di villa penginapan Dr Mahathir di Berjaya Beach and Spa Resort di Teluk Datai.

Pada sebelah petang pula, Perdana Menteri dijadual merasmikan Hotel Sheraton Perdana di Pekan Kuah.

Acara kemuncak lawatan Dr Mahathir ke sini ialah penyamaan ucapan dasarnya dan perasmian Dialog Antarabang Langkawi di Berjaya Beach and Spa Resort.

Dialog siri kedua itu akan dihadiri kira-kira 250 peserta dari seluruh dunia. Ia akan berlangsung sehingga Selasa ini.

-- BERNAMA

ZAA AHH